



Latihan Pengukuhan

A. Pilih jawaban yang sesuai.

1. Saya nampak ada seekor anak tikus masuk _____ kotak itu.
A ke dalam B dalam
2. Berapakah jarak sebenar _____ rumah kamu dengan sekolah ini?
A antara B di antara
3. Ibu sentiasa berada _____ ayah sepanjang masa di hospital.
A di sisi B di tepi
4. Ayah menambat kambing peliharaannya pada _____ pokok ketapang.
A bawah B pangkal
5. Layang-layang abang tersangkut _____ pokok kelapa yang tinggi itu.
A atas B di atas
6. Kapal yang karam _____ laut itu akan dijadikan tukun.
A di bawah B di dasar
7. Ashraf selalu gagal _____ peperiksaannya kerana malas belajar.
A dalam B di dalam
8. Kami duduk sambil berbual-bual _____ pokok yang rendang.
A di pangkal B di bawah
9. Semua tetamu majlis perkahwinan dipersilakan masuk _____ dewan.
A ke dalam B di dalam
10. Persetujuan _____ kedua-dua pihak itu berjaya menamatkan masalah tersebut.
A antara B di antara

B. Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

pangkal dasar sisi hujung tebing bawah tepi sudut penjuru sebalik

1. Kami memancing ikan sambil duduk di _____ lombong itu sejak tadi lagi.
2. Nelayan itu menambat perahunya pada _____ pokok agar tidak dihanyutkan arus.
3. Adik bersembunyi di _____ pintu untuk mengelakkan dirinya dikesan oleh kakak.
4. Emak menyandarkan tikar itu pada _____ bilik ketika membersihkan biliknya.
5. Gubahan bunga yang cantik itu diletakkannya untuk hiasan di _____ biliknya.

6. Barangan tembikar lama itu ditemukan di _____ sungai oleh sekumpulan nelayan.
7. Kami duduk di _____ ayah yang terbaring sambil memanjatkan doa kepada-Nya.
8. Tok guru silat itu mencucuk sebiji limau nipis pada _____ mata pedangnya.
9. Di _____ sungai itu diletakkan tanda amaran sebagai peringatan kepada kami.
10. Ayah memarkir keretanya di _____ sebatang pokok agar terelak daripada kepanasan.



Latihan Berbentuk Peperiksaan

A. Pilih ayat atau ayat-ayat yang betul.

1. I Budak itu diajar bahawa terdapat perbezaan di antara hukum haram dengan harus.
II Perbuatannya itu tidak disedarinya kerana berada dalam keadaan bawah sedar.
III Kejayaannya selama ini adalah atas sokongan dari kedua-dua orang ibu bapanya.
IV Dengan pantas dia meluru ke hadapan lalu menyambut bola yang dilontarkan.
A I, II dan III B II, III dan IV C II dan IV D I, III dan IV
2. I Bukit itu akan kita daki hingga sampai ke hujungnya dalam masa dua jam setengah.
II Berapa orang murid disyaki tersesat di dalam hutan yang tebal itu petang tadi.
III Usaha kalian risau akan kegagalan kerana semuanya adalah atas ketentuan-Nya.
IV Dua hari lagi rombongan kami akan berada di kawasan selatan tanah air kita.
A II dan IV B III dan IV C I, III dan IV D I, II dan III
3. I Hanya murid terpantas yang akan terpilih dalam acara larian pada petang ini.
II Ayah mencantas pangkal pokok itu dengan sebilah gergaji yang amat tajam.
III Kami yakin benar dengan dasar yang cuba diperkenalkan kerajaan demi negara.
IV Mereka menyelam hingga mencecah dasar sungai untuk mencari mangsa lemas.
A II dan IV B I, III dan IV C I, II dan III D I, II, III dan IV
4. I Ayah membetulkan cermin di sisi kereta sebelum memulakan pemanduannya.
II Kakak menarik ke hadapan sedikit kerusi itu lalu duduk untuk mengulang kaji pelajaran.
III Atas kesalahan jenayah, dia dihukum penjara selama 20 tahun dan sebatan.
IV Duduklah di bawah kipas ini sebentar agar supaya peluh kamu itu cepat kering.
A I dan II B I dan III C III dan IV D I, II dan IV
5. I Pak Ayob menambat kambing peliharaannya pada pangkal pokok pada tiap-tiap hari.
II Antara polisi yang dirancang itu ada yang akan dilaksanakan secepat mungkin oleh kerajaan.
III Jarak sebenar di antara kampung ini dan bandar raya tidak begitu jauh.
IV Para penumpang di dalam feri yang dalam perjalanan ke Kudat terselamat.
A I dan III B II dan IV C I, II dan III D I, II dan IV